

PM: Isu BMF kes jenayah tak boleh diselesai dengan Suruhanjaya Diraja

UM 19 OCT 1990

KOTA BAHARU 18 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, isu BMF adalah satu kes jenayah dan oleh itu ia tidak boleh diselesaikan dengan membentuk sebuah Suruhanjaya Diraja.

Beliau berkata, kes BMF akan disiasat oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab terhadap jenayah.

Lagipun, katanya, sebuah suruhanjaya tidak boleh dibentuk kerana sebelum inipun telah dibentuk suruhanjaya yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ahmad Noordin dan dua orang lagi untuk menyiasat kes BMF.

"Sekarang Tan Sri Ahmad Noordin dan seorang lagi ahli suruhanjaya itu secara terang-terang berada di pihak Tengku Razaleigh dan kita sekarang was-was sama ada suruhanjaya itu benar - benar," katanya ketika menjawab soalan para pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan calon-calon dan anggota Barisan Nasional (BN) di Ibu Pejabat UMNO Negeri pagi ini.

Para pemberita telah bertanya reaksi Perdana Menteri mengenai saranan Tengku Razaleigh Hamzah supaya dibentuk sebuah Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat kes BMF yang timbul semula ekoran surat terbuka bekas Pengerusi BMF, Lorrain Esme Osman dua hari lalu.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga berkata, kerajaan tahu PBS menjadi sebuah parti yang mewah kerana menerima bantuan

keuangan dari negara luar.

Sekarang, kata Perdana Menteri, PBS yang terkenal sebagai sebuah parti yang kaya akan memberi bantuan kewangan kepada Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dan parti-parti di dalamnya.

"Kita memang tahu mereka mendapat bantuan dari luar negara tapi tak payahlah saya sebutkan di sini sebab kita pun tak mahu mengambil apa-apa tindakan terhadap parti-parti pembangkang yang menerima bantuan kewangan ini.

"BN percaya sekarang ini parti-parti pembangkang menjadi mewah kerana mendapat bantuan daripada PBS dan sebab itulah Tengku Razaleigh mahu sangat bekerjasama dengan Pairin," ujarnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir menambah, tindakan Datuk Pairin akan merugikan Sabah dan rakyatnya.

Ini kerana, jika Sabah mempunyai kerajaan negeri yang tidak mempunyai hubungan yang baik dengan Kerajaan Pusat sukar bagi Kerajaan Pusat untuk memberi kerjasama, katanya.

"Soalnya, kita tidak salahkan rakyat Sabah, tetapi kita salahkan PBS kerana mereka dengan sengaja meracuni fikiran orang-orang Sabah dan cuba untuk menafikan bantuan yang banyak diberi oleh Kerajaan Pusat untuk membangunkan Sabah," katanya.